



JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

**GARIS PANDUAN AKTIVITI KEAGAMAAN DAN IHYA'
RAMADAN DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
FASA PERALIHAN KE ENDEMIK**

Mulai 01 April 2022

Bersamaan 29 Syaaban 1443

1. PUNCA KUASA

- 1.1 Titah perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak bertarikh 23 Mac 2022;
- 1.2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perak) 2004;
- 1.3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342);
- 1.4 Arahan semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak; dan
- 1.5 Arahan semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia

2. PANDUAN UMUM

2.1 SOLAT FARDU

- 2.1.1 Dibolehkan dilaksanakan tanpa jarak fizikal di antara jemaah
- 2.1.2 Kapasiti jemaah ialah mengikut keluasan ruang masjid, surau diri Jumaat atau surau
- 2.1.3 Kehadiran menunaikan solat terbuka kepada semua ahli kariah

2.2 SOLAT JUMAAT

- 2.2.1 Dibolehkan dilaksanakan tanpa jarak fizikal di antara jemaah
- 2.2.2 Kapasiti jemaah adalah mengikut keluasan ruang masjid atau surau diri Jumaat
- 2.2.3 Dibenarkan di masjid atau surau diri Jumaat sahaja
- 2.2.4 Demi melindungi keselamatan pelajar, bagi institusi pengajian seperti sekolah berasrama penuh, universiti, maktab atau kolej, termasuk pusat tahfiz, Pengetua/Ketua pusat-pusat pengajian tersebut diberikan budi bicara untuk mendirikan Solat Jumaat di surau atau bangunan atau kawasan institusi masing-masing
- 2.2.5 Kebenaran mendirikan solat Jumaat juga diberikan kepada surau-surau di kilang yang mencukupkan bilangan jemaah minimum 40 orang
- 2.2.6 Kehadiran menunaikan solat terbuka kepada semua ahli kariah

2.3 SOLAT JENAZAH

- 2.3.1 Dibolehkan dilaksanakan tanpa jarak fizikal di antara jemaah
- 2.3.2 Kapasiti jemaah adalah mengikut keluasan ruang masjid, surau diri Jumaat atau surau
- 2.3.3 Kehadiran menunaikan solat terbuka kepada semua ahli kariah

2.4 SOLAT SUNAT TARAWIH

- 2.4.1 Dibolehkan dilaksanakan tanpa jarak fizikal di antara jemaah
- 2.4.2 Kapasiti jemaah ialah mengikut keluasan ruang masjid, surau diri Jumaat atau surau
- 2.4.3 Bilangan rakaat solat tarawih mengikut ketetapan Jawatankuasa Kariah

2.5 TAZKIRAH RAMADHAN

- 2.5.1 Hanya dibenarkan selepas Solat Witir dan tidak melebihi 30 minit

2.6 AKTIVITI LAIN

- 2.6.1 Qiamullail dan iktikaf pada waktu malam dibenarkan dengan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara
- 2.6.2 Tadarus al-Quran dibenarkan di masjid, surau diri Jumaat atau surau
- 2.6.3 Kuliah dan kelas pengajian dibenarkan di masjid, surau diri Jumaat atau surau
- 2.6.4 Hidangan berbuka puasa (Iftar), hidangan selepas tarawih (moreh) dan hidangan sahur di masjid atau surau diri Jumaat atau surau dibolehkan dengan penyediaan makanan bungkus, dan tidak dibenarkan jamuan secara hidangan terbuka dan bufet, terutama selepas solat sunat Tarawih
- 2.6.5 Bagi pengusaha makanan (food caterer) hendaklah:
 - i) Mempunyai lesen perniagaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
 - ii) Diwajibkan untuk mengambil suntikan tifoid melalui pengamal perubatan berdaftar
 - iii) Telah mengambil suntikan booster Covid-19
- 2.6.6 Bagi masjid, surau diri Jumaat atau surau yang tidak menggunakan perkhidmatan food caterer, penyedia makanan diwajibkan untuk

mengambil suntikan tifoid melalui pengamal perubatan berdaftar dan telah mengambil suntikan booster Covid-19

- 2.6.7 Mengambil wuduk di kolah dibenarkan

2.7 **IMAM JEMPUTAN**

- 2.7.1 Imam Jemputan dari luar negara hendaklah mendapat kebenaran Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak

2.8 **ZIARAH KUBUR**

- 2.8.1 Dibenarkan dengan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara

2.9 **TANGGUNGJAWAB JEMAAH**

- 2.9.1 Mengimbas kod QR melalui aplikasi mysejahtera atau menulis nama dan nombor telefon di buku pendaftaran yang telah disediakan
- 2.9.2 Hendaklah memakai pelitup muka sepanjang berada di dalam perkaranan masjid, surau diri Jumaat atau surau dan ketika menunaikan solat
- 2.9.3 Digalakkan membawa sejадah sendiri
- 2.9.4 Mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara dari semasa ke semasa

2.10 **TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA KARIAH**

- 2.10.1 Memastikan ventilasi dan pengudaraan yang baik di masjid, surau diri Jumaat dan surau berdasarkan garis panduan pengudaraan dan kualiti udara dalaman yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)
- 2.10.2 Hendaklah melaporkan dengan kadar segera kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah sekiranya berlaku penularan wabak Covid-19 di dalam masjid, surau diri Jumaat atau surau masing-masing
- 2.10.3 Dinasihatkan melakukan proses sanitasi terutamanya di ruang solat termasuk tandas dan ruang wuduk
- 2.10.4 Dinasihatkan menyediakan *hand sanitizer* di pintu-pintu masuk masjid, surau diri Jumaat dan surau untuk kegunaan jemaah
- 2.10.5 Dinasihatkan menyediakan sabun secukupnya untuk kegunaan jemaah di tempat wuduk dan bilik air

2.11 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI TADBIR AGAMA DAERAH

- 2.11.1 Apabila mendapat laporan dan maklumat, serta perakuan dari Majlis Keselamatan Negara dan Jabatan Kesihatan, bahawa angka jangkitan di kawasan tertentu dianggap kritikal, Pegawai Tadbir Agama Daerah setelah berunding dan mendapat persetujuan Orang Besar Jajahan atau Pegawai Daerah, boleh mengeluarkan arahan menggantung mana-mana masjid dan surau daripada kelonggaran SOP yang telah diperkenankan oleh DYMM Paduka Seri Sultan, dan mengenakan peraturan SOP untuk tempoh tertentu berpandukan nasihat Majlis Keselamatan Negara dan Jabatan Kesihatan.
- 2.11.2 Menyediakan laporan secara mingguan kepada Pengarah Jabatan Agama Islam Perak melalui Bahagian Pengurusan Masjid berkaitan dengan aktiviti, pengurusan dan kesan terhadap garis panduan ini di masjid, surau diri Jumaat atau surau di dalam daerah masing-masing
- 2.11.3 Menjalinkan kerjasama dengan Jawatankuasa Kariah dalam memberi kesedaran dan pemahaman berkaitan kepentingan menerima suntikan 'booster' di kalangan ahli kariah

3. KUAT KUASA

- 3.1 Garis panduan ini berkuat kuasa mulai Solat Subuh Jumaat, 1 April 2022 bersamaan 29 Syaaban 1443.
- 3.2 Garis panduan ini hendaklah dipatuhi oleh Pegawai Masjid, Jawatankuasa Kariah dan Surau serta para Jemaah.
- 3.3 Pegawai Masjid, Jawatankuasa Kariah dan Surau serta para Jemaah juga hendaklah mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa.

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

24 MAC 2022